



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.600-8/2/7 Jld. 7 (43)
Tarikh : 22 November 2019

YBhg. Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi bin Ibrahim
Pengerusi Eksekutif
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park
No.1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Selangor

YBhg. Dato' Sri,

KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM "XUSED-LEARN & EARN" UNTUK SEKOLAH DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia **tiada halangan** kepada pihak XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd untuk melaksanakan Program "Xused-Learn & Earn" untuk sekolah di peringkat kebangsaan seperti yang terkandung dalam surat YBhg. Dato' Sri kepada kami.

3. Adalah dimaklumkan, sebagai inisiatif KPM untuk memudahkan dan mempercepat urusan pertimbangan kelulusan kerjasama dengan agensi luar KPM, permohonan rasmi untuk melaksanakan program/aktiviti yang melibatkan penyertaan murid, guru dan/atau sekolah dalam sesebuah negeri **boleh dikemukakan secara langsung kepada Pengarah Pendidikan Negeri yang berkaitan** selaras dengan peruntukan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 5/2018 - **Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.**

4. Pihak YBhg. Dato' Sri juga perlu mengadakan perbincangan dengan Pengarah Pendidikan Negeri yang terlibat dalam pelaksanaan program ini memandangkan sekolah/ guru dan murid yang terlibat adalah di bawah pentadbiran negeri berkenaan di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 4.1 **Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/ Guru Besar/ Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian/ keperluan;**

KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM "XUSED-LEARN & EARN" UNTUK SEKOLAH DI PERINGKAT KEBANGSAAN

KPM.600-8/2/7 Jld. 7 (43)

Tarikh : 22 November 2019

- 4.2 Pihak JPN dan Sekolah berhak untuk meminda tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;
- 4.3 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru dan murid yang terlibat dengan program ini;
- 4.5 Sekolah/ guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 4.6 Penyertaan sekolah/ guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 4.7 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 4.8 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
- 4.9 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
- 4.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat; dan
- 4.11 Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri, pihak KPM amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruksional, yakni masa pengajaran dan pembelajaran murid. Oleh yang demikian, pihak KPM mencadangkan supaya penyertaan guru bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP iaitu dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu sahaja.

**KEBENARAN PELAKSANAAN PROGRAM "XUSED-LEARN & EARN" UNTUK SEKOLAH
DI PERINGKAT KEBANGSAAN**

KPM.600-8/2/7 Jld. 7 (43)

Tarikh : November 2019

6. Bagi perkara 4.2 dan 4.3 seperti yang terkandung dalam surat YBhg. Dato' Sri, perkara tersebut perlu dikemukakan secara berasingan dan memerlukan penelitian serta ulasan oleh bahagian-bahagian KPM yang berkaitan.

7. Kelulusan ini (Kebenaran Pelaksanaan Program "Xused-Learn & Earn" untuk Sekolah di Peringkat Kebangsaan) hanya untuk tujuan program kitar semula sahaja dan akan luput selepas tarikh 31 Disember 2020.

Segala perhatian pihak YBhg. Dato' Sri berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Dr. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan Malaysia
/PP2/SPDP2/NOV/2019

- s.k.
1. Setiausaha Sulit Kanan
Kepada YB Menteri Pendidikan
 2. Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri